

**MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA
SESI KE-47**

**“TAMADUN AWAL NEGARA DARI PERSPEKTIF
SUMBER SARJANA CHINA”**

Tajuk:

**TUGU BUKIT PELINDUNG NEGARA:
PRASASTI PENTING KEDAULATAN MELAKA**

Oleh:

Muhammad Suhail Ahmad & Chong Kok Hoong

28 September 2021 (Selasa)

Anjuran:

ARKIB NEGARA MALAYSIA

TUGU BUKIT PELINDUNG NEGARA: PRASASTI PENTING KEDAULATAN MELAKA

Oleh:

Muhammad Suhail Ahmad & Chong Kok Hoong
Kelab Generasi Pemuda Tamadun Dunia (GPTD)


gptdhq@gmail.com

Tugu Bukit Pelindung Negara (*Zhenguo Shan Beiming*)¹ merupakan sebuah prasasti atau batu bersurat yang dikurniakan oleh Kerajaan Ming China kepada Kesultanan Melayu Melaka atas permohonan Raja Parameswara. Anugerah ini bukan sahaja mengeratkan lagi hubungan diplomatik antara dua negara ini, malah ia mengiktiraf kedaulatan Melaka sekaligus menghindari ancaman Siam Ayutthya. Namun, tiada sebarang penemuan arkeologi yang menemukan artifak ini sehingga kini. Sungguhpun demikian, petikan penuh piagam tersebut jelas tercatat dalam rekod rasmi Dinasti Ming iaitu *Ming Shi Lu*. Malah, prasasti ini sentiasa menjadi tajuk perbincangan sejak zaman-berzaman.² Maka, kertas ini akan membentangkan bukan sahaja intipati piagamnya, tetapi juga senibina tugunya, kemungkinan lokasi asalnya, dan kepentingannya dalam dunia masa kini.

Pengenalan

3 Oktober 1405 merupakan tarikh keramat bagi Melaka sebagai pesaing baharu dalam pentas perdagangan antarabangsa yang sekian lama didominasi kuasa-kuasa besar seperti Ayutthaya dan Majapahit. Duta Melaka utusan Raja Parameswara, bersama-sama dengan duta Samudera-Pasai dan Kozhikode telah mengikuti pelayaran pulang Laksamana Yin Qing ke China. Para duta ini dialu-alukan dengan penuh istiadat oleh Maharaja Yongle dalam Balairung Istananya di *Ying Tian Fu* (kini Nanjing) mempersembahkan ufti masing-masing. Sebagai tanda penerimaan hadiah ufti mereka, Yongle berkenan mengurniakan cap mohor diraja dan persalinan sutera bercorak khas sebagai tanda pengiktirafan kepada kerajaan-kerajaan tersebut.³ Malangnya artifak cap mohor Raja Melaka yang kami namakan sebagai *Manlajia Guowang Zhiyin* itu juga tidak ditemukan. Namun, peristiwa

bersejarah ini direkodkan dengan cukup terperinci dan jelas dalam sumber yang sama.



Rajah 1: Rekaan semula *Manlajia Guowang Zhiyin*,⁴ yakni Cap Mohor Raja Melaka berdasarkan kajian penulis secara perbandingan dengan cap mohor negara lain yang turut menerimanya daripada Dinasti Ming.⁵ Hurufnya diukir dalam gaya tulisan cetakan positif iaitu "aksara merah" (*Zhu Wen*) dan "Lipatan Sembilan" (*Jiudie Wen*) menurut corak yang masyhur pada zaman Dinasti Ming serta dibaca dari atas ke bawah dan kanan ke kiri. Dipercayai cap mohor ini diperbuat daripada perak,⁶ atau perak bersalut emas,⁷ dengan pemegangnya berbentuk unta sepertimana tercatat dalam *Ming Shi Lu* mengenai cap mohor Siam.⁸

Ketika Duta Melaka datang mengadap Maharaja Yongle, beliau dengan rendah hatinya menzahirkan hajat Raja Melaka dengan mengirimkan ucapan Parameswara yang memuji keharmonian rakyat dan kekayaan bumi China, serta penghargaan terhadap Yongle. Selanjutnya, dizahirkan lagi hajat Parameswara supaya Melaka dijadikan sebahagian daripada China, selain ufti yang akan dipersembahkan, sebelum meminta agar sebuah bukit di Melaka dimasyhurkan sebagai bukit pelindung.⁹

Hajat Parameswara diterima oleh Yongle dengan hati terbuka, lalu baginda bertitah kepada pegawai Kementerian Istiadat, "Sesungguhnya para pemerintah dahulukala menandakan pengiktirafan Pelindungannya pada gunung-ganang dan sungai-sungai, menetapkan sempadannya serta menghadihkan barangan berharga kepada para pentadbir asing. Hal ini bertujuan untuk menzahirkan layanan istimewa kepada mereka yang jauh dan isyarat bahawa mereka bukannya orang luar. Maka, Bukit Barat di negara ini [yakni Melaka] akan ditandakan pengiktirafan sebagai Bukit Pelindung negara ini. Di atasnya dibina sebuah tugu."¹⁰

Maka, dengan berus dirajanya, Maharaja Yongle menukikan sendiri isi hatinya sebagai piagam kepada Melaka.¹¹ Titah berjumlah 456 patah perkataan ini kemudiannya diabadikan dalam ukiran pada sebuah batu seperti yang diperintahkan. Peristiwa bersejarah ini diwartakan pada 11 November 1405¹² dalam jilid 47, kitab *Tai Zong Shi Lu* dalam *Ming Shi Lu* (selepas ini dirujuk sebagai TZ 47).

Titah piagam ini dimulakan dengan mukadimah falsafah Konfusius bahawa keperibadian murni seorang pemimpin dapat mewujudkan suasana harmoni pada alam semesta sekaligus menjamin kesejahteraan hidup manusia. Kemudian, Maharaja Yongle memuji-muji mendiang Paduka Ayahandanya (Maharaja Hongwu atau gelaran anumertanya, Ming Taizu) yang juga pengasas Dinasti Ming kerana menyebarkan rahmatnya kepada Segala Di Bawah Langit.¹³ Dengan ini, baginda menzahirkan tanggungjawabnya untuk mewarisi tugas agung tersebut.

Pernyataan ini selanjutnya disambung dengan menyatakan Duta Melaka telah menyampaikan hajat Raja Parameswara pada bulan Oktober 1405 berserta permintaannya dan luahan sanubari Yongle terhadap permohonan ini. Menurut baginda Maharaja, ia selari dengan adat moyang dahulukalanya yang bukan sahaja memasyhurkan sempadan, malah mengangkat kemuliaan pelbagai negara sebagai tanda kebersamaan.

Oleh sebab itulah, baginda melimpahkan perkenan untuk memasyhurkan Bukit Barat di Melaka sebagai Bukit Pelindung Negara dengan tugu piagam ini sebagai prasasti yang dapat ditatapi kaum kerabat mahupun rakyat jelata negara ini. Titah piagam ini diakhiri dengan sajak coretan peribadi Maharaja Yongle. Sajak tersebut memuji-muji adat resam rakyat Melaka, keamanan negara, kedaulatan raja yang dihormati dan doa abadi baginda agar keamanan Melaka terus kekal dari generasi ke generasi.

Analisis Tugu

Amalan pemasyhuran bukit dan gunung dikatakan telah diamalkan pemerintah China seawal abad ke-3 Sebelum Masihi. Menurut kitab *Shang Shu* (Persuratan Rasmi), diriwayatkan legenda bahawa Maharaja Shun memacak 12 kemuncak buminya dengan tugu batu sebagai tanda pengiktirafan wilayah

pentadbirannya yang terpecah kepada 12 provinsi.¹⁴ Yongle bukan sahaja Maharaja pertama yang melancarkan kembara pelayaran antarabangsa dalam sejarah China, bahkan juga julung-julung kali memasyhurkan kemuncak negara-negara lain yang menjalin hubungan diplomatik dengan baginda.

Ironinya permintaan Parameswara agar didirikan sebuah tugu di atas sebuah bukit di Melaka menimbulkan tanda tanya sedangkan bentuk pengiktirafan sedemikian tidak pernah dilakukan sebelumnya oleh kerajaan China. Perkenan Maharaja Yongle atas permintaan Parameswara menjadikan Melaka sebagai negara pertama yang dilimpah kurnia dengan Tugu Bukit Pelindung Negara. Menurut Shen Defu (1578-1642)¹⁵, seorang kakitangan kerajaan Dinasti Ming, hanya 4 buah negara sahaja yang diperkenankan tugu sedemikian sepanjang hayat Maharaja Yongle¹⁶, iaitu:

- 1) Melaka: Tugu Bukit Pelindung Negara (November 1405).
- 2) Jepun: Tugu Bukit Shou'an Pelindung Negara (Januari 1406)¹⁷
- 3) Brunei: Tugu Bukit Changning Pelindung Negara (Disember 1408)¹⁸
- 4) Kochi: Tugu Bukit Pelindung Negara (Disember 1416)¹⁹

Penerimaan tugu pengiktirafan diraja ini adalah peristiwa penting yang perlu diambil berat. Berkemungkinan besar khabar ini mengejutkan kuasa-kuasa pesaing yang lebih besar di Asia Tenggara seperti Ayutthaya dan Majapahit yang terlebih dahulu telah menjalin hubungan dengan Dinasti Ming tetapi tidak menerima tugu sebegini. Apatah lagi pengiktirafan ini dapat mengukuhkan kedaulatan Melaka²⁰ yang kini menjadi setara dengan kerajaan lain yang turut mempersembahkan ufti kepada Dinasti Ming.²¹

Menurut rekod-rekod China, sebelum dikurniakan Tugu Bukit Pelindung Negara, Melaka pernah diancam Ayutthaya untuk membayar ufti tahunan sebanyak 40 tahlil emas.²² Walaupun Ayutthaya masih berusaha mengancam kedaulatan Melaka pada 1407, 1419 dan 1431,²³ pengiktirafan tersebut membolehkan Melaka melaporkan tindakan keganasan Ayutthaya secara langsung kepada Kerajaan Ming.

Titah ini seolah-olah menggambarkan Melaka dijajah oleh Dinasti Ming. Namun apabila diteliti, tiada elemen penjajahan yang dapat dikenalpasti malah tidak berkurang pun kedaulatan mahupun kekayaan sumber Melaka. Persembahan ufti oleh kuasa-kuasa lain di rantau Asia kepada China hendaklah difahami menurut

konteks berbeza dengan acuan *Westphalian* yang meletakkan hubungan *superior-inferior* sebagai asasnya.²⁴

Persembahan ufti ini dikenali dalam tamadun China sebagai Sistem Pengiktirafan Diraja (*Cefeng*)²⁵, yang juga diberikan istilah moden dalam Bahasa Inggeris sebagai *Imperial Chinese Tributary System*.²⁶ Pada zaman Dinasti Ming, ia merupakan satu-satunya dasar luar negara China dalam menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain. Intipati dasar ini didorong oleh *Weltanschauung* atau pandangan sarwa China kuno bahawa Maharaja ialah Pemerintah Segala Di Bawah Langit²⁷ dan keharmonian alam dapat dijayakan sekiranya negara-negara lain mengiktiraf kebesaran baginda.

Secara teknikal, sistem ini adalah suatu cara kerajaan China kuno berdamai dengan negara lain demi mengurangkan risiko peperangan, di samping menyeimbangkan kuasa China dengan negara-negara lain.²⁸ Seperti Kang menyebut bahawa hubungan dengan China tidak mengakibatkan hilang kebebasan negara yang membayar ufti untuk mengurus tata kelola negaranya sendiri dan menjalin hubungan luar daripada tertakluk kepada kawalan China.²⁹

Sistem ufti ini juga diperkukuhkan dengan undang-undang *Haijin* yang diperkenalkan seawal tahun 1371 yang mewajibkan perdagangan antara-negara hanya boleh dijalankan melalui kerajaan China sahaja dan sebarang urusan perdagangan swasta atau persendirian adalah dilarang sama sekali.³⁰ Sungguhpun demikian, sistem ini menjadi rapuh setelah penjajah Barat berjaya memaksa China (pada era Dinasti Qing) membuka pelabuhan-pelabuhannya untuk perdagangan setelah China kalah dalam Perang Candu (1829 – 1842), ditambah lagi dengan Peperangan China-Jepun Pertama (1894 – 1895).

Sebagai Pemerintah Segala Di Bawah Langit, Maharaja memikul tugas untuk “menenteramkan hati para tetamu yang datang dari jauh, di samping menimbulkan rasa hormat daripada raja-raja negara lain”.³¹ Sebab itulah gaya bahasa Maharaja apabila bertitah kepada Duta mahupun Raja secara umumnya sentiasa mesra bagaikan hubungan seorang bapa dengan anak. Manakala secara khusus, memadai bagi Maharaja China diangkat keunggulan kebudayaannya (*cultural superiority*) berbanding kekuasaan politiknya (*political authority*).³²

Meskipun sistem ini menuntut Melaka untuk mempersembahkan ufti, hakikatnya hubungan ini mendatangkan lebih banyak faedah daripada mengirim ufti kepada Ayutthaya. Persembahan ufti kepada Dinasti Ming hanyalah formaliti mengiktiraf takhtanya, kerana China sebenarnya tidak memerlukan sumber komoditi negara lain memandangkan kekayaan sumber hasil pertaniannya yang dapat menampung keperluan negara.³³ Bahkan, setiap ufti yang dipersembahkan akan dibalas Maharaja dengan hadiah-hadiah yang bernilai tinggi dan mewah sebagai penghargaan dan petanda keagungannya. Setiap kali misi ufti dipersembahkan, barang dagangan turut dibawa bersama untuk diniagakan di pelabuhan. Sebahagian besar barang dagangan itu dibeli pula oleh wakil Maharaja sebelum selebihnya dijual kepada pedagang lain.³⁴ Justeru, sebahagian pengkaji berpendapat sistem ini merugikan China apabila mendapati jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan Dinasti Ming sejak 1403 hingga 1473 adalah lebih daripada 25 juta tahlil perak iaitu bersamaan dengan 7 tahun pendapatan negara.³⁵

Kurniaan Tugu Bukit Pelindung Negara bukan sahaja mengangkat status Melaka sebagai kerajaan bebas yang dilindungi kuasa besar, malah menjadi kenyataan hitam putih yang kukuh bagi Maharaja Yongle bahawa takhta baginda diredhai Tuhan. Hakikatnya, baginda naik takhta secara rampasan kuasa daripada anak abang sulungnya yakni Maharaja Jianwen semasa perang saudara melalui Kempen Jingnan (1399 – 1402).

Walaupun Yongle merasakan dirinya lebih layak daripada Jianwen yang dilihat tidak berpengalaman, namun di mata jemaah menteri, Yongle dilihat telah melanggar adat perwarisan yang ditetapkan Paduka Ayahandanya Maharaja Hongwu. Penerimaan baginda selaku Maharaja baharu Dinasti Ming juga tidak begitu baik di kalangan rakyat yang terkejut dengan rampasan kuasa yang berlaku. Pada masa yang sama, Yongle juga kerap melakukan amalan ritual untuk mengesahkan kedudukannya sebagai pemegang Mandat Syurga. Kejadian kebakaran dalam Festival Tanglung pada 1415 dan tiga istana di Beijing pada 1421 turut dipercayai Yongle sebagai hukuman Tuhan atas kesilapan pemerintahannya, lantas baginda menghentikan festival berkenaan serta merta dan membatalkan sambutan ulangtahun kelahirannya pada tahun ketiga-tiga istana itu terbakar.³⁶ Sentimen inilah yang mendorong Yongle dengan proaktif menaja kembara pelayaran Armada Khazanah pimpinan Laksamana Yin Qing, Zheng He, Wang Jinghong dan

sebagainya dalam mencari sokongan negara-negara lain yang berkenan mengiktiraf takhtanya.

Bagi Kesultanan Melayu Melaka, prasasti penting ini menjadi kesaksian cita-cita tinggi, sikap tidak berputus asa dan berpandangan jauh oleh Parameswara.³⁷ Tindakan kali ini lebih berkesan berbanding usaha kali pertama baginda pada tahun 1377-78 selaku Raja Palembang (*San Fo Qi*) mendapatkan cap mohor dan jubah diraja daripada Maharaja Hongwu yang pengiktirafan kekuasaannya. Malangnya Majapahit tidak gerun dengan lambang pengiktirafan berkenaan dan terus menyerang Palembang pada tahun 1391-92 yang menyebabkan Parameswara dan keluarganya melarikan diri ke Singapura.³⁸

Walaupun diserang bertubi-tubi oleh negara-negara jiran yang membenci kebangkitan Parameswara daripada abu kejatuhan Srivijaya, beliau tidak membuang masa menyusun strategi baru untuk mengembalikan kewibawaannya. Melihat tarikh-tarikh catatan *Ming Shi Lu* yang menyebut nama beliau "*Bailimisula*" dan "*Manlajia*" (Melaka) berulang-ulang kali,³⁹ kita dapat mengetahui betapa cepatnya perkembangan beliau menjalin hubungan dengan Dinasti Ming. Selepas dikurniakan Tugu Bukit Pelindung Negara, Parameswara menyusun langkah seterusnya dengan mengadakan lawatan rasmi bersama-sama Permaisuri dan kaum kerabatnya untuk mencemar duli menghadap Maharaja Yongle di *Ying Tian Fu* dari 4 Ogos hingga 5 Oktober 1411. Tidak dinyatakan tujuan sebenar dalam rekod tersebut melainkan tercatat jumlah delegasi Melaka seramai 540 orang.⁴⁰ Parameswara mungkin berhasrat untuk melaksanakan pemerhatian dan mempelajari segala yang dapat memanfaatkan negaranya seperti protokol, pasaran, kewangan, perniagaan antarabangsa, pelayaran dan berbagai-bagai lagi.⁴¹

TZ 47 dalam *Ming Shilu* bukanlah satu-satunya sumber bertulis yang menyinari kegemilangan Melaka. Catatan lain seperti *Yingya Shenglan* (Permandangan Indah Seberang Samudera), *Xingcha Shenglan* (Permandangan Indah Rakit Bintang), *Xiyang Fanguo Zhi* (Catatan Negara-negara Lautan Barat), *Guo Que* (Analisis Persidangan Negara), *Huangming Xiangxu Lu* (Rekod Pegawai Penterjemah Diraja Ming), *Shuyu Guozhi Lu* (Catatan Negara-negara Jauh) dan *Guangdong Tongzhi* (Warta Provinsi Guangdong) yang apabila mencatatkan tentang Melaka ada menyebut Tugu Bukit Pelindung Negara. Malah, prasasti ini masih

dikenang dalam catatan kerajaan seterusnya yakni Dinasti Qing seperti dalam rekod *Ming Shi* (Sejarah Dinasti Ming), *Huangqing Zhigong Tu* (Peta Rasmi Ufti Diraja Qing)⁴² dan *Haiguo Tuzhi* (Catatan Bergambar Negara-negara Samudera).⁴³

Rupa & Senibina

Walaupun TZ 47 membentangkan perincian kandungan tugu ini dengan lengkap, namun ia tidak pula merekodkan bentuk dan rupa senibinanya. Satu-satunya petanda yang jelas dinyatakan dalam petikan tugu ini adalah ia dibina daripada batu. Justeru, ia membuka kepada pelbagai andaian yang boleh dibuat dengan merujuk kepada tugu lain yang dianugerahkan oleh Maharaja Yongle kepada kerajaan lain untuk membayangkan sedekat-dekat rupa sebenarnya.

Pendapat Pertama

Kajian awal menarik perhatian penulis kepada tugu yang didirikan di dalam kompleks Makam Sultan Brunei yakni Raja *Boni* bernama *Manarejiana* di Nanjing.⁴⁴ Prasasti ini mengisahkan peristiwa Raja *Boni* yang jatuh gering dalam kunjungan balasnya ke China dan mewasiatkan kata syukur buat Maharaja Yongle dan pesanannya kepada kerabatnya. Raja *Boni* yang didakwa bernama Sultan Abdul Majid Hassan (1380-1408) telah menghantar duta pada tahun yang sama Parameswara berbuat demikian.⁴⁵ Permintaan yang disampaikan duta Raja *Boni* juga sama iaitu meminta didirikan sebuah tugu di atas sebuah bukit di Brunei. Permintaan itu dimakbulkan Maharaja Yongle dan Raja *Boni* pun mengadakan lawatan ke Nanjing pada 1408 sebagai tanda penghargaan. Menurut *Ming Shilu*, waris Raja *Boni* iaitu *Xiawang* (Raja Kecil) sekali lagi mengulangi permintaan yang sama. Barangkali permintaan ayahandanya telah dimakbulkan namun masih belum didirikan sehinggalah dizahirkan pada 20 Disember 1408 sebagai Tugu Bukit Pelindung Negara Changning, prasasti yang masih lagi tidak dapat ditemukan artifaknya.

Justeru, tugu peringatan kemangkatan Sultan Brunei ini wajar dibuat rujukan. Ia dibina daripada batu atas titah Maharaja Yongle. Pada sisi hadapannya dipahat petikan dengan kepala tugu dihiasi ukiran naga dan corak awan. Manakala tapaknya

adalah ukiran batu seekor haiwan mitos berbentuk kura-kura berkepala naga yang dikenali sebagai *Bixi*. Berdasarkan mitos Cina, *Bixi* adalah salah seekor daripada 9 ekor anak naga sakti yang mampu menanggung beban berat.⁴⁶



Rajah 2 (kiri) : Tugu Peringatan Maharaja Hongwu di Makam Xiaoling, Nanjing. **Rajah 3** (kanan) : Tugu Bukit Pelindung Negara berdekatan Makam Raja *Manarejiana*, Pemerintah *Boni* (Brunei), di Nanjing.

Tradisi tugu bertapakkan *Bixi* dikenal pasti bermula seawal abad ke-3 pada akhir era Dinasti Han,⁴⁷ dan menjadi popular pada zaman Dinasti Ming (1368–1644) dan Dinasti Qing (1644–1911). Kebiasaannya tugu ini didirikan bagi memperingati kemangkatan seseorang atau peristiwa penting khusus melibatkan kerabat diraja dan bangsawan-bangsawan kenamaan.⁴⁸

Pendapat kedua

Terdapat satu lagi tugu yang dihadiahkan Maharaja Yongle pada 15 Februari 1409 dengan senibina serupa tanpa tapak *Bixi*. Prasasti ini kini dikenali dengan nama Batu Bersurat Tribahasa Galle yang ditemui di Sri Lanka pada 1911. Isi kandungannya dipahat petikan dalam tiga bahasa yakni Tamil, Parsi, dan Cina. Petikan tersebut memuji kebesaran Maharaja di samping kisah pelayaran Armada Khazanah. Selain itu, ia menyenaraikan pelbagai barang sedekah seperti kain sutera berwarna-warni, setinggi harum, tembikar pasu, minyak wangi dan sebagainya kepada tiga institusi keagamaan di Sri Lanka iaitu Kuil Hindu, Masjid, dan Tokong

Buddha.⁴⁹ Seperti tugu Raja *Boni* tadi, kepala tugu ini diukir dengan dua ekor naga pada sisi hadapan sahaja.



Rajah 4: Batu Bersurat Tri-bahasa di Sri Lanka.

Bahkan, pintu gerbang Masjid Jingjue di Nanjing yang pernah dinaik taraf oleh Laksamana Zheng He⁵⁰ pun diukir dengan corak naga dan perkataan “Dengan Perkenan Maharaja” (*Chi Ci*)⁵¹ di atas nama masjid ini sebagai tanda limpah kurnia baginda.⁵²

Berdasarkan kedua-dua rujukan rupa dan senibina di atas, Tugu Bukit Pelindung Negara di Melaka sekurang-kurangnya pasti memiliki senibina ukiran pada kepalanya bercorak naga sebagai lambang diraja Dinasti Ming,⁵³ pada sisi yang terkandung petikan tulisan Maharaja Yongle.

Lokasi Prasasti

Sehingga kini, Tugu Bukit Pelindung Negara belum ditemukan dan kedudukannya masih tidak dapat dirungkaikan para pengkaji. Tiada sebarang artifak walau secebis serpihan batu daripada prasasti penting ini yang timbul dari muka

buminya. Terdapat dakwaan yang mengatakan ia telah hancur dimusnahkan penjajah Portugis,⁵⁴ namun tiada sokongan sumber sejarah sahih yang membenarkannya.

Melihat kepada TZ 47, Maharaja Yongle menitahkan agar prasasti ini didirikan di atas sebuah bukit di Melaka yang dinamakan Bukit Barat (*Xi Shan*). Namun demikian, di manakah sebenarnya lokasi bukit ini? Keadaan bertambah rumit apabila bukan semua nama tempat dalam rekod China adalah transliterasi daripada nama asal dalam bahasa tempatan, sebaliknya sebahagiannya adalah berdasarkan huraian bentuk geografi tempat tersebut.

Walau bagaimanapun, beberapa pengkaji telah mengutarakan pendapat mereka mengenai lokasi yang dipercayai lokasi sebenar tugu ini.

Pendapat Pertama

Bukit Melaka / Bukit St. Paul

Menurut Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu), Istana Kesultanan Melayu Melaka dibina di atas Bukit Melaka. Memandangkan tugu ini adalah tugu diraja, maka selayaknya ia didirikan di atas bukit ini.⁵⁵ Sebaliknya, ada juga yang berpendapat ia tidak didirikan di situ kerana kompleks istana dan institusi kerajaan yang lain telah pun memenuhi kawasan bukit tersebut.⁵⁶

Tinjauan dalam peta *Wubei Zhi*, satu-satunya lakaran denah yang dipercayai pernah dirujuk oleh Laksamana Zheng He, juga tidak menunjukkan kewujudan Bukit Barat, melainkan Gudang Kerajaan (*Guan Chang*)⁵⁷ yang digambarkan terletak berhampiran Sungai Melaka yang memisahkannya dengan kota diraja. Gudang ini adalah sebuah depot simpanan keperluan Armada Khazanah yang dibina Zheng He, berdasarkan keterangannya dalam catatan *Yingya Shenglan*. Berkemungkinan Zheng He diperkenankan Parameswara untuk membina depot ini adalah disebabkan iltizam baginda untuk berdamping dan mempelajari teknologi daripada beliau.⁵⁸ Malah peta Godinho de Eredia bertarikh 1613 masih mengekalkan kawasan sama sebagai Kampung China.⁵⁹

Oleh sebab Tugu Bukit Pelindung Negara dikurniakan oleh Dinasti Ming, maka ia dipercayai didirikan bersebelahan dengan depot tersebut.⁶⁰ Namun, pendapat ini mengaitkan kedudukan Gudang Kerajaan itu di Bukit Cina yang berada jauh dari lokasi yang digambarkan oleh *Wubei Zhi* dan *Godinho de Eredia*. Jika ia didirikan tidak jauh dari depot itu di atas sebuah bukit, adalah lebih tepat dikatakan bukit yang dimaksudkan ialah Bukit Melaka atau kini dikenali sebagai Bukit St. Paul seperti yang telah dinamakan sempena gereja tertua di Asia Tenggara yang didirikan oleh Portugis pada 1521.



Rajah 5: Peta Wubei Zhi yang menunjukkan kedudukan Melaka (perkataan berpetak, kanan) dan Gudang Kerajaan (perkataan berpetak, kiri).

Pendapat Kedua

Bukit Cina

Bukit Cina juga adalah satu-satunya bukit yang dipercayai mempunyai kaitan dengan Dinasti Ming berdasarkan riwayat dalam Sulalatus Salatin sebagai kediaman para pengiring Puteri Hang Li Po.

Pendapat bahawa Gudang Kerajaan bertapak di Bukit Cina juga dipercayai timbul daripada nama bukit ini dalam Bahasa Cina yakni Bukit Sam Po (*Sanbao Shan*).⁶¹ Perkaitan mudah ini terjadi kerana nama *Sanbao* itu merujuk kepada gelaran lain Zheng He,⁶² sedangkan bukit ini dinamakan sedemikian 200 tahun

kemudian oleh Kapitan Cina Melaka, Li Wei King (1614 – 1688) setelah beliau berjaya membeli bukit ini pada tahun 1685 daripada penjajah Belanda untuk diwakafkan sebagai kawasan pusara Cina.⁶³

Terdapat juga suatu riwayat turun-temurun kaum Cina tempatan yang percaya bahawa Zheng He pernah membina sembilan buah telaga di sekitar Bukit Cina. Ia bertujuan agar bekalan air mencukupi untuk para tentera beliau yang menjaga Gudang Kerajaan. Kisah inilah juga menimbulkan pendapat bahawa Gudang Kerajaan –termasuk Tugu Bukit Pelindung Negara – pernah dibina di Bukit Cina.⁶⁴

Pendapat Ketiga

Gunung Ledang

Penulis mencadangkan agar bukit atau gunung tertinggi dalam kawasan jajahan takluk Melaka pada zaman pemerintahan Parameswara juga harus diambil kira dalam mengenal pasti kedudukan prasasti ini. Teori ini diutarakan setelah meneliti kedudukan Tugu Bukit Pelindung Negara yang dikurniakan kepada Jepun, Brunei dan Kochi. Kesemuanya didirikan di kemuncak tertinggi negara tersebut atau yang setara dengannya yang dipilih sebagai lokasi tugu pengiktirafan diraja terhadap negara masing-masing.

Gunung Ledang adalah kemuncak tertinggi di Melaka yang tidak jauh dari pusat pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka yakni di Bukit Melaka. Justeru, Gunung Ledang harus diberikan perhatian juga dalam bab ini. Abdul Shukor menyatakan bahawa gunung ini diberikan nama Ledang kerana ia pernah dinaungi kerajaan Majapahit dan sesiapa jua pasti tidak akan terlepas perhatiannya terhadap perawakan gunung ini yang sangat tinggi,⁶⁵ sesuai dengan maksud perkataan itu iaitu “menunjuk-nunjuk”.

Bagi masyarakat Cina tempatan, Gunung Ledang dikenali sebagai “Gunung Emas” (*Jin Shan*) yang popular dengan legenda bahawa Laksamana Zheng He pernah mengunjungi lombong-lombong sekitar gunung tersebut, malah membawa beberapa sampel emas untuk dipersembahkan kepada Maharajanya.⁶⁶ Kewujudan legenda ini tidak disokong oleh sebarang rekod sejarah China yang mengesahkan

kehadiran Zheng He. Namun, tanah tinggi ini wajar diberi perhatian oleh para pengkaji.

Pendapat Keempat

Tanjung Tuan

Lanjutan daripada teori kemuncak tertinggi wilayah kekuasaan Melaka atau yang setara dengannya, kedudukan Tanjung Tuan di sebelah Barat Melaka turut menarik perhatian penulis. Secara kedudukan geografinya, ia menepati nama Bukit Barat berbanding ketiga-tiga tempat yang dicadangkan sebelum ini.

Bukit tertinggi di laluan paling sempit di Selat Melaka yang terletak di Tanjung Tuan ini juga relevan untuk dikaji lebih lanjut kerana ia menjadi petanda bagi pelayar dari Barat dan Utara bahawa mereka telah tiba di Melaka. Bukit ini jugalah yang pertama akan dilewati tentera Ayutthaya ketika ingin mengancam negeri Melaka.

Parameswara turut dipercayai masyarakat tempatan disemadikan di bukit ini, namun tiada tanda yang dapat mengesahkan kewujudan makam baginda memandangkan Portugis telah mendirikan rumah api di puncak bukit Tanjung Tuan pada kurun ke-16. Pemilihan kawasan ini sebagai tempat didirikan rumah api menunjukkan fungsi pentingnya sebagai pedoman kepada pelayar.⁶⁷

Melihat kepada kesamaran lokasi sebenar Bukit Barat, cadangan tempat yang dimaksudkan terbuka luas kepada pelbagai andaian kerana selagi prasasti ini atau rekod yang menjelaskannya tidak ditemukan, selagi itu tiada ketetapan yang boleh dimuktamadkan.

Kepentingan Masa Kini

Melihat kepada isi kandungan Tugu Bukit Pelindung Negara dan sejarahnya, kepentingan prasasti ini tidak perlu diragukan lagi. Selain daripada bukti kukuh bermulanya persahabatan Melaka dan China, ia juga merupakan kenyataan jelas strategi bijaksana Melaka dalam pentas politik di rantau Asia Tenggara.

Ternyata tugu ini mempunyai nilai warisan sejarah, kebudayaan dan kesenian untuk dikaji lanjut. Selain keindahan gaya bahasanya, sajak nukilan peribadi Maharaja Yongle juga menjadi doa abadi baginda kepada seluruh generasi yang mewarisi Melaka dengan nama negaranya kini sebagai Malaysia.

Satu perkara penting yang perlu kita ingat adalah, tugu ini sebenarnya menjadi titik tolak perubahan negara untuk membentuk kemajuan tamadun Melayu tanpa gangguan kuasa yang lebih besar daripadanya sehingga membolehkan Melaka menjadi setara dengan Majapahit dan Ayutthaya. Teladan terbesar ini menunjukkan keupayaan luar biasa Raja-raja Melaka mengambil langkah berani dan strategik untuk kepentingan negara dan rakyat.

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, hubungan Melaka-China tidak menunjukkan sebarang bentuk penjajahan, sebaliknya merupakan kesalingbergantungan (*interdependence*). Maharaja Yongle yang menaiki takhta secara kudeta amat memerlukan pengiktirafan asing seperti Melaka untuk membuktikan kelayakan baginda sebagai Pemerintah Segala Di bawah Langit, manakala Melaka berjaya memanfaatkan kekuasaan China dalam menangani ancaman Ayutthaya.

Melaka sekali lagi telah mengulangi langkah strategik ini pada zaman moden atas nama Malaysia apabila Tun Abdul Razak dan Zhou Enlai bersama-sama menandatangani Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) pada 31 Mei 1974.⁶⁸ Melalui kenyataan ini, Kerajaan Republik Rakyat China seiring dengan Perlembagaannya⁶⁹ bersetuju untuk mengiktiraf kedaulatan dan kemerdekaan Kerajaan Malaysia,⁷⁰ setelah China mengalu-alukan khabar baik laungan 7 kali "*Merdeka!*" oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka.^{71 72}

Kesimpulan

Tugu Bukit Pelindung Negara ini seharusnya dipertahankan sebagai sebuah prasasti penting yang membuktikan kebijaksanaan Parameswara menyusun strategi mempertahankan kedaulatan Melaka, di samping suatu langkah berhikmah dalam memajukan kerajaan kesultanan ini.

Tulisan ini bertujuan mengangkat prasasti yang masih belum ditemukan sebagai bahan kajian yang perlu dilanjutkan oleh para pengkaji lain. Banyak persoalan yang boleh ditimbulkan bagi mengembangkan lagi perbincangan mengenainya menerusi "kaedah yang kritis" seperti yang dinyatakan Louis Gottschalk agar dapat menghasilkan karya pensejarahan yang sepenuhnya bersifat objektif.⁷³

Penulis juga ingin menyarankan agar sebuah replika dapat dibina berdasarkan maklumat sedia ada yang telah dibentangkan ini agar intipati prasasti ini dapat menghidupkan kembali hikmah kebijaksanaan Kesultanan Melayu Melaka. Di samping itu ia dapat memperlihatkan kepada generasi baharu bukti nyata kedaulatan Melaka yang diiktiraf oleh kuasa besar dunia. Semoga usaha ini bertepatan dengan doa Maharaja Yongle bahawa kemajuan bumi Melaka yang merujuk kepada asal negara Malaysia hari ini akan "terus makmur selamanya, moga aman bahagia bergenerasi hendaknya."

LAMPIRAN

Petikan di bawah ini adalah teks penuh kandungan Bukit Pelindung Negara dalam terjemahan Bahasa Melayu dan seterusnya dalam bahasa asal yakni Bahasa Cina. Bagi memudahkan pembacaan, penulis telah membahagikan petikan ini mengikut perenggan bersesuaian, manakala teks Bahasa Cina telah diubah kepada aksara ringkas (*Simplified Chinese / Jianti Zi*) dan ditambah dengan tanda baca seperti koma dan noktah. Harus diingati bahawa seperti Bahasa Jawi lama, Bahasa Cina kuno juga tidak mempunyai tanda baca dan pada zaman Dinasti Ming, ia ditulis dengan aksara tradisional (*Fanti Zi / Zhengti Zhongwen*).

Tugu Bukit Pelindung Negara (terjemahan)

Beta berpegang bahawa ketua yang memiliki kuasa murni orang alim akan berupaya melaksanakan segala kerja demi Langit dan Bumi, di samping menasihati dan membantu, serta menyampaikan bantuan dalam membentuk masyarakat. Melaluinya, maka matahari, bulan, bintang-bintang, dan planet-planet dapat menyinari dan segala musim serta tahun beredar dengan seimbang. Langit terbentuk melalunya dan Bumi terbentuk melaluinya. Segalanya ada tempatnya dan dalam keadaan harmoni melaluinya serta dicipta dan diubah melaluinya. Dia menggerakkan segalanya dengan satu fikiran dan menyusun segalanya dengan terbaik. Dia dihasilkan di luar Langit dan Bumi, serta lebih agung daripada Langit dan Bumi. Dia tidak mempunyai nama.

Dahulunya, ayahandaku Taizu, yakni Yang Agung Alimnya, Maha Mengetahui, Sempurna Kuasa Kemuliaannya, Pemerintah Syurga dan Dipertuan Kebaktiannya Maharaja Gao [Maharaja Hongwu] semasa baginda bertakhta di atas darjat alim dan sebagai Penguasa tiga sakti [Langit, Bumi, Manusia], baginda mengimbangkan Yin dan Yang, melindungi segala makhluk, dan menembusi seluruh Cakerawala, termasuk segala di luar Langit dan Bumi. Ilmunya meliputi segala-galanya dan baginda bertindak dengan pemahaman ilahinya. Di kalangan

makhluk di antara Langit dan Bumi, tiada satu pun yang tidak dikurniakan kemurahannya secara ghaib, sebagaimana mereka dilahirkan dan membesar. Namun, mereka masih lagi tidak sedar akan hal demikian selama empat puluh tahun. Maka Beta telah mewarisi Tanggungjawab Agung ini dengan penuh hormat dan dengan penuh taat menjejaki warisan mulianya, serta menyatukan ribuan negara bersama.

Pada bulan kesembilan, tahun ketiga Yongle [September/Oktober 1405], duta yang diutusmu Raja Melaka, telah sampai ke Istana dan menzahirkan niat anda. Beliau menyatakan keharmonian bumi beta, rakyatnya sihat afiat, kayanya sumber alam, adatnya murni dan agung, dan penghargaan beta terhadap segala yang bermanfaat dan penuh kemuliaan, serta ingin menjadi seperti sebahagian daripada sempadan China, supaya negaramu menjadi lebih berkuasa daripada negara-negara lain yang bersempadan denganmu, di samping itu dengan abadinya sebagai negara naungan beta dan melaksanakan tugas mempersembahkan uftimu. Sambil menundukkan kepalamu dan menantikan titah beta, keikhlasan anda seharusnya dipuji. Sesungguhnya keagungan dan kemuliaan ayahandaku telah tersebar luas merentasi tanahmu. Betapa jauhnya di luar sangkaan!

Dahulukala, raja-raja memacakkan pengiktirafan, menetapkan garis sempadan, mengagihkan kekayaan dan mengurniakan Pelindungan, demi menunjukkan layanan istimewa kepada ratusan ribuan negara. Ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua bahawa mereka bukanlah orang luar. Untuk pengiktirafan Bukit Barat di Melaka sebagai bukit Pelindung negaramu, sambil diiringi sebuah sajak, dipahat petikannya pada batu putih supaya tugu ini dapat menjadi pencerahan kepada waris-warismu yang tiada berpenghujung dan kepada rakyat jelatamu. Moga ia kekal abadi bagaikan Syurga. Beginilah sajaknya:

Nun jauh China datang meredah lautan barat daya,
ke negara jutaan tahun beratap langit berlantai bumi sama.

Disimbahi sinar mentari dan rembulan indah dipandang mata,
hujan & embun menyiram subur sekalian flora.

Rakyatnya berhias emas dan merah hijau permata,
di sinilah berdiri negara yang kaya adat lagi aman sentosa.

Rajanya berdaulat adil saksama disayangi rakyat jelata,
baginda berhajat untuk bernaung hidup bersama.

Datang dan pergi kan dirai dengan istiadat beraja,
dirai penuh hormat dan takzim belaka.

Tugu batu terpahat tanda hormat setia,
di Bukit Barat negaramu diabadikan penghormatan selamanya.

Wahai penjaga bukit & laut, kita bersahabat baik saudara,
ruh ayahanda beta kan mencemar duli turun bersama.

Memerhatikan negaramu yang kan terus makmur selamanya,
moga aman bahagia bergenerasi hendaknya.⁷⁴

Tugu Bukit Pelindung Negara (teks asal)

朕惟圣德之君，大有功于天地者，范围参赞，相协陶甄。日月星辰以之明，寒暑岁功以之成。天得以为天，地得以为地。各位其所，而田宁万物由是而化生。是其一心之运，经纶之妙，有出于天地之外而大于天地者，不可以名言也。昔朕皇考太祖，圣神文武，钦明启运，俊德成功，统天大孝高皇帝，以圣人之位为三才之主宰。和调阴阳，保合造化。贯通宇宙之中，包括天地之外。智无不周，动与神会。凡在天地之中，有生之类，莫不阴受其赐。自生自育，而不自知。四十余年于此矣。朕缙承鸿业，祇迪先猷。膺兹福庆，嘉会万邦。乃永乐三年九月，尔满刺加国王遣使来朝，具陈王意。以谓厥土协和，民康物阜，风俗淳熙，怀仁慕义，愿同中国属郡。超异要荒，永为甸服。岁岁贡赋，顿首请命，纯诚可嘉。实朕皇考余恩，淑庆延及，尔用致于斯远。惟古先圣王，封山奠域，分宝赐镇，宠异万国，敷文布命，广示无外之意。其封满刺国之西山为镇国之山，锡以铭

诗，勒之贞石，永示其万世子孙。国人与天无极。诗曰：西南钜海中国通，输天灌地亿载同。洗日浴月光景融，雨岩露石草木浓。金花宝钿生青红，有国于兹民俗雍。王好善义思朝宗，愿比内郡伊华风。出入遵从张盖重，仪思杨袞礼虔恭。大书贞石表尔忠，尔国西山永镇封。山君海伯翕扈从，皇考陟降在彼穹。后人监视久益隆，尔众子孙万福崇。⁷⁵

KREDIT GAMBAR

Rajah 1 : Hasil kerja penulis dengan rekaan semula menggunakan Adobe Illustrator CS6 pada 27 April 2020. Rekabentuk cap mohor tersebut adalah berpandukan setem Pos Malaysia bernilai 30 sen sempena 'Ulang Tahun Ke-600 Hubungan Malaysia – China, 1405 — 2005' yang dikeluarkan pada 21 Julai 2005.

Rajah 2 : Wang Leon, Stone Sifangcheng, *Wikimedia Commons*, 12 Mar 2006, https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Stone_Sifangcheng.jpg , dicapai 14 Ogos 2021.

Rajah 3 : Vmenkov, Bixi of the Sultan of Brunei - P1060723, *Wikimedia Commons*, 28 Jan 2011, https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Bixi_of_the_Sultan_of_Brunei_-_P1060723.JPG , dicapai 14 Ogos 2021.

Rajah 4 : Kanatonian, Galle Trilingual Inscription, *Wikimedia Commons*, 5 Jan 2005, https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Gall_Trilingual_Inscription.jpg , dicapai 14 Ogos 2021.

Rajah 5 : Peta Melaka, lihat Mao Yuanyi 茅元仪, 1621. Kitab Wubei Zhi (Risalah Teknologi Ketenteraan), seksyen Zhanduzai jilid 240, ms 16 (《武备志》〈佔度載〉卷二百四十，第十六页), disebut dlm Peta Pelayaran Zheng He (郑和航海图), *Ensiklopedia Baidu* 《百度百科》 <https://baike.baidu.com/pic/郑和航海图/1998424/1960880874/d52a2834349b033b4b70f1db18ce36d3d539bd32> , dicapai 14 Ogos 2021.

Nota Hujung

¹ *Zhenguo Shan Beiming*: 镇国山碑铭

² Ia turut dibincangkan oleh Sejarawan terkemuka Prof. Tsu Yun Ts'iao 许云樵 dalam rencana akhbar *Misteri Pembukaan Kerajaan Melaka [siri 3] Ucapan Prof Tsu Yun Ts'iao di Dewan Kebudayaan Universiti Nanyang* 〈滿刺加王朝開國之謎 (三) 南大許雲樵教授在文化館演講〉, Nanyang Siang Pau 《南洋商報》, 1 Nov 1960, hlm. 7. Diakses dari NewspaperSG, <http://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/nysp19601101-1.2.18.8>.

³ Catatan ini bertarikh 11 haribulan 9, tahun ke-3 Yongle (3 Okt 1405), dalam *Ming Shilu*, Taizong Shilu, jilid 46 (《明实录》太宗文皇帝实录, 卷四十六). Lihat Donald Sturgeon, *Chinese Text Project: a dynamic digital library of premodern Chinese*, Digital Scholarship in the Humanities (2019). Diakses dari <https://ctext.org/>.

⁴ *Manlajia Guowang Zhiyin*: 滿刺加國王之印 (Aksara tradisional: 滿刺加國王之印)

⁵ Antara negara-negara lain termasuklah Samudera-Pasai & Calicut (3 Okt 1405), Ava-Burma (27 Okt 1403 & 6 Jul 1404), Laos (6 Jun 1404), Istana Barat Majapahit (14 Okt 1404), serta Brunei (22 Dis 1405). Lihat Geoff Wade, 2005. *Southeast Asia in the Ming Shi-lu: an open access resource* (tjm), Singapore: Asia Research Institute and the Singapore E-Press, National University of Singapore. Diakses dari <http://epress.nus.edu.sg/msl/>.

⁶ Teks asal 双台银印 (cap mohor perak berkembar). Lihat Ma Huan, 1451. *Yingya Shenglan* 瀛涯胜览 (Pemandangan Indah Seberang Lautan), Wikisource. Diakses dari <https://zh.m.wikisource.org/zh-hans/瀛涯勝覽>.

⁷ Ayat berbunyi "...cap mohor buatan perak bersalutkan emas" disebut dalam *Ming Shilu* bertarikh 1 Oktober 1403 (kepada Jawa [Majapahit]) dan pada 13 November 1404 (kepada Istana Timur Majapahit). Lihat Geoff, *op. cit.*

⁸ Ayat berbunyi "...cap mohor perak bersalutkan emas dan dihiasi ukiran unta" dikurniakan kepada Raja Siam menurut dalam *Ming Shilu*. Lihat Geoff, *op. cit.*

⁹ Teks berkaitan: "...supaya Melaka dijadikan sebahagian daripada naungan China, di samping berupaya untuk menunjukkan kesetiaannya melalui persembahan ufti tahunannya, serta meminta supaya bukitnya diisytiharkan sebagai Pelindung seluruh negara." (愿同中国属郡, 岁郊职贡, 请封其山为一国之镇。) Lihat *Ming Shilu*, Taizong Shilu, jilid 47 (《明实录》太宗文皇帝实录, 卷四十七) dlm Chong Kok Hoong, Muhammad Suhail Ahmad & Abdul Hakim Shahbuddin, *Laksamana Zheng He: Teladan Merentasi Zaman*. Kuala Lumpur, Kuala Lumpur: Kelab Generasi Pemuda Penjejak Tamadun Dunia (GPTD), (2019), hlm.118.

¹⁰ Teks asal titah: 先王封山川, 奠疆域, 分宝玉, 赐藩镇, 所以宠异远人, 示无外也。可封其国之西山为镇国之山, 立碑其地。Lihat *Ming Shilu*, Taizong Shilu, jilid 47 (《明实录》太宗文皇帝实录, 卷四十七) dlm Chong, *op. cit.*, hlm. 240.

¹¹ Teks berkaitan: “Baginda secara peribadinya mencoretkan teks tugu” (上亲制碑文). Lihat *Ming Shilu*, Taizong Shilu, jilid 47 (《明实录》太宗文皇帝实录, 卷四十七) dlm Chong, *op. cit.*, hlm. 118.

¹² Menurut teks asal yang berpandukan Kalendar Cina, tarikhnya dinyatakan berbunyi “20 haribulan 10, musim tengkujuh, tahun ke-3 Yongle”.

¹³ Pandangan ini mungkin berdasarkan ayat daripada *Xiao Jing* 孝经 (Kitab Kebaktian) yang berbunyi: “Demikianlah, kedua orang tua dapat berasa lega semasa hidup, dan roh-rohnya dapat menikmati persembahan upacara selepas wafat. Maka, dunia akan aman sentosa, bencana alam tidak berlaku, dan huru hara serta pemberontakan tidak berbangkit. Beginilah Raja terdahulu mengamalkan kebaktian untuk memerintah segala di bawah langit.” (夫然, 故生则亲安之, 祭则鬼享之, 是以天下和平, 灾害不生, 祸乱不作。故明王之以孝治天下也如此。) Menurut Feng Xin-ming, sabda Pendeta Kongzi ini bermaksud, roh-roh ibu bapa dipercayai berupaya melindungi jajahan takluk pemerintah daripada bencana alam. Lihat syarahan ayat ini dalam Zeng Zi & Feng Xin-ming (ptjm), *Xiao Jing - The Classic of Xiao, With English Translation & Commentary* (2008), t.tp.: t.pt.

¹⁴ Teks berkaitan: “[Maharaja Shun (舜帝)] membahagikan [negaranya] kepada 12 provinsi, mengisytiharkan pengiktirafan 12 gunung, dan mendalamkan sungai” (肇十有二州, 封十有二山, 浚川。). Lihat Kitab *Shang Shu*, jilid Shun Dian (《尚书》舜典) dlm Donald, *op. cit.*

¹⁵ Shen Defu (沈德符) ialah seorang pegawai kerajaan zaman penghujung Dinasti Ming dari provinsi Zhejiang yang juga seorang penulis. Hasil penulisan utamanya bertajuk *Wanli Yehuo Bian* (万历野获编 / Catatan Pelbagai Zaman Wanli).

¹⁶ Lihat Kitab *Ming Shi Zong* (Himpunan Sajak-sajak Dinasti Ming), jilid 1 (《明诗综》卷一) dlm Donald, *op. cit.*

¹⁷ Lihat *Wanli Yehuo Bian*, jilid 1 (《万历野获编》第一卷) dlm *Chinese Text Project* untuk sajak penuh Tugu Bukit Shou'an Pelindung Negara (寿安镇国山碑) Jepun. Rujuk Kuroki Kuniyasu, *A Study of the Shou An Zhen Guo* 寿安镇国 : *On the Tributary system of China* (寿安镇国考 : 册封体制小論) | 書誌詳細 | National Diet Library 国会図書館サーチ, (2013), hlm. 77-88 untuk perbincangan penuh tugu ini.

¹⁸ Lihat petikan penuh Tugu Bukit Changning Pelindung Negara (长宁镇国山碑) Boni dalam *Ming Shi*, catatan siri 213 (《明史》列传第二百十三, 外国六) dlm Xu Yuhu 徐玉虎, *Penyelidikan Persuratan Baru terhadap Tugu-tugu Negara Asing dalam Kembara Zheng He* <郑和下西洋于诸番国勒石立碑新考>, dlm Wang Tianyou 王天有, Xu Kai 徐凯 & Wan Ming 万明 (ed.). *Pelayaran Laksamana Zheng He dan Tamadun Dunia* 《郑和远航与世界文明》, Beijing: Peking University Press, (2005), hlm. 75-76. Umumnya, para sarjana berpendapat Boni ialah Brunei. Namun disebabkan kesamaran maklumat geografinya dalam catatan kuno, kenyataan ini masih diperdebatkan. Lihat Johannes L. Kurz, *Boni in Chinese Sources from The Tenth to The Eighteenth Century*, dlm *International Journal of Asia Pacific Studies*, Jil.10 No.1. Penerbit Universiti Sains Malaysia, (2014), hlm. 1-32.

¹⁹ Lihat *Ming Shilu*, Taizong Shilu, jilid 183 (《明实录》大明太宗孝文皇帝实录, 卷一百八十三) untuk petikan penuh Tugu Bukit Pelindung Negara Kochi. Terjemahan petikan penuh piagam kepada Kochi dalam Bahasa Inggeris boleh dibaca di Geoff, *op. cit.*

²⁰ Lihat Syed Zulflida S.M. Noor, *Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka: Kemunculan dan Kegemilangan*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, (2013), hlm. 114.

²¹ Pandangan kesaksamaan terhadap kesemua negara ini adalah berdasarkan titah Maharaja Yongle apabila baginda menegur Siam atas serangannya ke atas Melaka: "Raja Melaka telah menjadi sebahagian daripada kita, dan beliau adalah Menteri dalam Balairung. Sekiranya beliau berbuat salahlaku, anda seharusnya melaporkan hal ini kepada Balairung. Anda dilarang mengerahkan bala dengan terburu-buru. Seandainya anda berbuat demikian, apakah beza dengan ketiadaan Balairung?" (满刺加国王已内属, 则为朝廷之臣。彼如有过, 当申理于朝廷。不务出此而輒加兵, 是不有朝廷矣?) Lihat titah bertarikh 12 hb 10, tahun ke-17 Yongle (30 Okt 1419) di *Ming Shilu*, Taizong Shilu, jilid 217 (《明实录》大明太宗文皇帝实录, 卷二百十七) dlm Donald, *op. cit.* dan Geoff, *op. cit.*

²² Disebut dalam catatan *Yingya Shenglan*, bab Negara-negara Asing, bahagian Melaka (《瀛涯胜览》诸番国名, 满刺加) yang berbunyi: 永乐七年己丑, 上命正使太监郑和等赍诏敕赐头目双台银印、冠带袍服, 建碑封域, 遂名满刺加国。是后暹罗莫敢侵扰。(Tanah ini dinaungi pentadbiran Siam, yang mana bayaran ufti 40 Tahil emas dikenakan terhadapnya. Keingkaran berbuat demikian mengundang serangan daripadanya. Pada tahun ke-7 Yongle (sepatutnya tahun ke-3 [1405]), Maharaja menitahkan Duta Besar Zheng He (sebetulnya Yin Qing) dan lain-lain agar mengurniakan kepada Ketua tersebut anugerah berupa dua cap mohor perak, alas kepala, jubah, didirikan tugu pelindung negara, dan mengiktiraf Melaka sebagai nama negara ini. Sejak itu, Siam tidak lagi mengancam negara ini.) Juga lihat Xu 2005, ms 69-74. Selain rekod-rekod China, antara rekod terawal Siam yang menyebut Melaka sebagai naungan uftinya ialah Kata Mandiarapala (atau Kot Monthianban / กฎมณเฑียรบาล) yakni 'Undang-undang Istana' yang digubal pada tahun 1468 zaman Ayutthaya. Pada Fasal 2 menyatakan "Keseluruhan 20 bandar (*mōaṇ*) mempersembahkan bunga mas dan perak kepada Raja: ...dan di selatan, Ujong Tanah (kawasan Johor), Melaka, Malāyū dan Varavāri." Lihat David K. Wyatt, *The Thai 'Kata Mandiarapāla' and Malacca*, dlm *The Journal of The Siam Society (JSS)*, Jil 55(2), (July 1967), hlm. 279–286 dan Ahmat Adam, *Antara Sejarah dan Mitos: Sejarah Melayu & Hang Tuah dalam Historiografi Malaysia*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), (2016), hlm.87.

²³ Sepanjang pemerintahan Melaka sehinggalah serangan Portugis pada tahun 1511, terdapat tiga laporan yang merekodkan ancaman Ayutthaya terhadap Melaka. Lihat *Ming Shilu* bertarikh 20 Nov 1407 (21 haribulan 10, tahun ke-5 Yongle), 30 Okt 1419 (12 haribulan 10, tahun ke-17 Yongle) dan 20 Mac 1431 (7 haribulan 2, tahun ke-6 Xuande) dalam Geoff, *op. cit.*

²⁴ Lihat David C. Kang, *East Asia Before The West*, New York: Colombia University Press (2012.), hlm. 55-56.

²⁵ *Cefeng*: 册封

²⁶ Istilah *Imperial Chinese Tributary System* ini direka oleh sarjana pengajian China bernama John King Fairbank dan Têng Ssu-yü. Lihat J.K. Fairbank & S.Y. Teng, *On The Ch'ing Tributary System*, dlm *Harvard Journal of Asiatic Studies*, Jil.6 No.2, Cambridge: Harvard-Yenching Institute, (1941), hlm.135-246.

²⁷ Berdasarkan ajaran Kongzi (*Confucianism*) dalam Kitab Liji, bab Quli 2 (《礼记》曲礼下): "Pemerintah Segala Di Bawah Langit dinamakan Putera Tuhan (Maharaja)" (君天下, 曰天子). Lihat *Chinese Text Project*. Demikian juga dalam titah bertarikh 20 Mac 1431 oleh Maharaja Xuande yang berbunyi "Beta memerintah segala di bawah langit dan memandang semua dengan kesaksamaan" (朕主宰天下, 一视同仁). Titah ini diutuskan Laksamana Zheng He kepada Raja Ayutthaya yakni Ramesuan II setelah didapati Ayutthaya cuba menghalang Duta Melaka daripada mengirim ufti ke China. Lihat *Ming Shilu*, Xuanzong Shilu, jilid 76 (《明实录》明宣宗章皇帝实录, 卷之七十六) dlm Donald, *op. cit.* dan Geoff, *op. cit.*

²⁸ Ayat berkaitan - "*Within the tributary system, the weak nations paid tribute to their stronger neighbours while the latter invested the nobility of the weak nations with authority. This solves the power imbalance caused by China's military power and ensured co-existence.*" Lihat Arirang Prime, *Ep209c03 Tributary System* dlm Korea, China & Japan: The History for Unlocking the Future, Video, Joseon: Manchukuo Film Association (2014), minit 2.20 - 2.37. Diakses dari <https://www.youtube.com/watch?v=3z8dC44FQXY>.

²⁹ Kang, *op. cit.*, hlm. 56-57.

³⁰ *Haijin* 海禁 ialah undang-undang larangan sebarang aktiviti tidak rasmi di lautan termasuk penglibatan rakyat biasa dalam perdagangan antarabangsa. Haijin terawal berlaku pada tahun 976 zaman Dinasti Song Utara (lihat Song Shi, jilid 186 (《宋史》卷一百八十六)). Dinasti Yuan pernah melaksanakan Haijin sebanyak 4 kali. Selepas Maharaja Hongwu menaiki takhta, baginda mengeluarkan perintah Haijin pertama pada tahun 1371 (lihat Ming Shilu, Taizu Shilu, jilid 49 (《明实录》太祖高皇帝实录, 卷四十九)), dengan tujuan melindungi negara daripada gangguan lanun dan mengurangkan ancaman sisa-sisa kerajaan Monggol. Hakikatnya ia menyebabkan para nelayan kehilangan sumber rezeki, manakala para pedagang terpaksa berniaga secara haram. Ini juga bererti, semua pedagang Cina yang berdagang di luar China sebenarnya telah melanggar perintah Haijin. Lihat rujukan rekod-rekod China dalam Donald, *op. cit.* dan Richard Von Glahn, *Fountain of Fortune: Money and Monetary Policy in China, 1000-1700*, Berkeley: University of California Press (1996), hlm. 116.

³¹ Daripada sabda Pendeta Kongzi seperti "Barang siapa yang mentadbir dengan sebaik-baiknya, dia bagaikan Bintang Utara yang kekal kedudukannya sementara bintang-bintang lain mengelilinginya." (为政以德, 譬如北辰, 居其所而众星共之。) dalam Kitab Analek 2:1 (《论语》为政:1) dan "Menenteramkan hati para tetamu yang datang dari jauh. Menimbulkan rasa hormat daripada raja-raja negara lain." (柔远人则四方归之, 怀诸侯则天下畏之。) dalam Kitab Liji, bab Zhongyong (《礼记》中庸). Lihat Donald, *op. cit.*

³² Lihat Kang, *op. cit.*, hlm. 56-57.

³³ Lihat Chong, *op. cit.*, hlm. 20.

³⁴ Lihat Shih-shan Henry Tsai, *Perpetual Happiness: The Ming Emperor Yongle*, London: University of Washington Press (2001), hlm. 124.

³⁵ Lihat Kang, *op. cit.*, hlm.114.

³⁶ Lihat Tsai, *op. cit.*, hlm. 82-83 dan 104.

³⁷ Lihat Syed, *op. cit.*, hlm. 98.

³⁸ Lihat Ahmat Adam, *Sejarah Silam Melaka dalam Teks Sulalat u's-Salatin*, dlm Tawarikh Melayu dan Melaka: Esei-Esei Pilihan, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) (2021), hlm. 52-53.

³⁹ Senarai penuh catatan-catatan *Ming Shilu* perihal Melaka dapat dirujuk dalam Geoff, *op. cit.*

⁴⁰ *Ming Shilu*, Taizong Shilu, jilid 117 (《明实录》太宗文皇帝实录, 卷一百十七), bertarikh 14 Ogos 1411 (25 hb 7, tahun ke-9 Yongle). Lihat Geoff, *op. cit.*

⁴¹ Lihat Syed, *op. cit.*, hlm. 82-85 dan 98.

⁴² Kitab *Huangqing Zhigong Tu*, Jilid 1, ms 75 (《皇清职贡图》卷一, 第七十五页) dlm Donald, *op. cit.*

⁴³ Lihat Haiguo Tuzhi, jilid 9 (《海国图志》卷九), dlm Lim Hin Fui 林远辉 & Zhang Yinglong 张应龙., *Himpunan Perihal Malaysia dalam Catatan China Kuno* 《中文古籍中的马来西亚资料汇编》, Kuala Lumpur: Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (1998), hlm. 473. Haiguo Tuzhi adalah warta susunan Wei Yuan 魏源, setiausaha penolong kepada Gabenor Lin Zexu 林则徐, perintis kepada pengharaman penyalahgunaan dadah di China. Diterbitkan pada tahun 1843 sebagai langkah susulan Perang Candu Pertama [Lihat Hao Yen P'ing & Wang Erh-min, *Changing Chinese views of Western relations, 1840-95* dlm John K. Fairbank & Denis Twitchett (eds.), *The Cambridge History of China*, Jil. 2. Bil. 1, Cambridge: Cambridge University Press, (1980), hlm. 148], ia merupakan dokumen pertama China yang memerincikan maklumat negara-negara Barat [Lihat Jane Kate Leonard, *Wei Yüan and China's Rediscovery of the Maritime World*, Harvard East Asian Monographs, Council on East Asian Studies, Harvard University (1984), hlm. 93].

⁴⁴ Teks penuh petikan tugu ini boleh dirujuk dalam Kitab *Huangming Wenheng*, jilid 81 (《皇明文衡》卷八十一) dlm Donald, *op. cit.*

⁴⁵ Lihat C Clunas & J. Harrison-Hall (eds) *Ming: 50 Years That Changed China*, London: British Museum Press (2014), hlm. 276.

⁴⁶ Berdasarkan petikan "Bixi, which is which is good at bearing heavy things, and thus its figure is often sculpted as the foundation of stone monument." Lihat Lihui Yang and Deming An, with Jessica, *Handbook of Chinese mythology*, California: ABC-CLIO (2005), hlm.102-103.

⁴⁷ Lihat Chêng Tê-kun, *Archaeological studies in Szechwan*, Cambridge: Cambridge University Press (1957), hlm.144.

⁴⁸ Lihat Jan Jakob Maria de Groot, *The Religious System of China: Its Ancient Forms, Evolution, History and Present Aspect, Manners, Customs and Social Institutions Connected Therewith*, Jil II, Leiden: Brill.Jan (1892), hlm. 451–452.

⁴⁹ Terjemahan petikan boleh didapati di Robert Parthesius, *The trilingual inscription of Admiral Zheng He*, dlm Maritime Lanka, Sri Lanka:Avondster Project (2001, 2002, 2003, 2004). Diakses di <https://maritimeasia.ws/maritimelanka/galle/trilingual.html>.

⁵⁰ *Pelayaran Zheng He ke Lautan Barat & Riwayat Masjid Jingjue* (郑和下西洋与净觉寺传说), dlm People's Daily Overseas Edition 《人民日报海外版》, 24 Ogos 2013. Diakses dari <http://www.people.com.cn/24hour/n/2013/0824/c25408-22679341.html>.

⁵¹ *Chi Ci*: 敕赐

⁵² Lihat Nancy Shatzman Steinhardt, *China's Early Mosques*, Edinburgh: Edinburgh University Press (2015), hlm. 131.

⁵³ Penggunaan corak berupa naga oleh rakyat biasa tanpa perkenan Maharaja adalah suatu kesalahan yang boleh disabitkan hukuman sebat 100 kali. Ia termaktub dalam *Da Ming Lü* (大明律 / Kanun Dinasti Ming) : “*In all cases where common people weave and sell coarse silk or gauze with prohibited designs of dragons and phoenixes, they shall be punished by 100 strokes of beating with the heavy stick. The silk cloth shall be forfeit to the government.*” Lihat Laws on Public Works, Article 453 [1] dalam Jiang Yonglin, *The Great Ming Code / Da Ming Lü*, Seattle: University of Washington Press (2005), hlm. 245.

⁵⁴ Lihat Zheng Zhaoxian, *Zheng He dan Melaka* (郑和与马六甲), dlm Cina Asia Tenggara - Blog Tay Cheong Hiang 《东南亚华人 ----- 郑昭贤部落格》, 3 Ogos 2008. Diakses dari http://southeastasiachinese.blogspot.com/2008/08/blog-post_03.html?m=1.

⁵⁵ Lihat Ou Young Sun (Lye Phat Chin), *Lost Chapters of Malacca*, Petaling Jaya: Sin Chew Daily (2010), hlm. 49.

⁵⁶ Berdasarkan pendapat Timbalan Pengarah Pusat Kajian Zheng He Malaysia (马来西亚郑和研究中心), Datuk Lim Guan Swee 林源瑞 semasa menjawab pertanyaan sasterawan China, En. Ma Yang 马阳. Lihat Zheng, *op. cit.*

⁵⁷ *Guan Chang*: 官厂.

⁵⁸ Lihat Syed, *op. cit.*, hlm. 83

⁵⁹ Lihat RO Winstedt & RJ Wilkinson, *Malaya and Its History*, Kuala Lumpur: Silverfish Books Sdn Bhd. (2020), hlm. 105.

⁶⁰ Lihat Zhao Zehong 赵泽洪. *Hubungan Malaysia - China & Bukit China* (马中关系与三宝山), dlm Pelayaran China 《走向海洋的中国人》, 北京: 海潮出版社 (1996), hlm. 275. Lihat juga Liew Kam Ba 刘崇汉, *Sejarah dan Warisan Zheng He di Malaysia* 《历史与传说——郑和在马来西亚》, Kuala Lumpur: Malaysia Chinese Cultural Society (2016), hlm. 96.

⁶¹ Lihat Ou, *op. cit.*, hlm. 49. Lihat juga Liew, *op. cit.*, hlm. 66.

⁶² Lihat Ou, *op. cit.*, hlm. 57.

⁶³ Lihat Cheng Hoon Teng Temple – Malaysia's Oldest Traditional Chinese Temple, *Bukit China Burial Ground*. Diakses dari <http://chenghoontengtemple.com/en/cheng-hoon-teng-temple/burial-gruonds>.

⁶⁴ Pendapat ini dikemukakan oleh Timbalan Pengarah Pusat Kajian Zheng He Malaysia (马来西亚郑和研究中心), Datuk Lim Guan Swee 林源瑞. Lihat Zheng, *op. cit.*

⁶⁵ "...nama tersebut ada hubungannya dengan hakikat pewarakan gunung yang begitu tinggi itu." Lihat Abdul Shukor Ismail, *Sejarah Ringkas Muar*, Muar: Penerbitan Toko Buku Manaf (1984), hlm. 188.

⁶⁶ "... pernah melawat lombong-lombong emas di Gunung Ledang. Bahawa beliau telah mengambil contoh-contoh emasnya untuk pengetahuan rajanya....dan bahawa nama Gunung Ledang yang dilaporkan oleh Admiral Cheng Ho (Zheng He) kepada rajanya itu ialah gunung Kim Sua (*Jin Shan* / 金山) maksudnya Gunung Emas atau Gunung Keemasan." Lihat Abdul Shukor, *op. cit.*, hlm. 187-188 dan Liew, *op. cit.*, hlm. 184.

⁶⁷ Lihat RSN Murali, *Tanjung Tuan, a cape in Melaka and a family name for some* dlm *The Star* ((2 Ogos 2020). Diakses dari <https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/08/02/tanjung-tuan-a-cape-in-melaka-and-a-family-name-for-some>.

⁶⁸ Rujuk petikan penuh dalam Kedutaan Besar Republik Rakyat China, *Joint Communiqué of the Government of the People's Republic of China and the Government of Malaysia* (31 Mei 1974). Diakses dari <http://my.china-embassy.org/eng/zt/BilateralDocuments/t317712.htm>.

⁶⁹ Petikan berkaitan: "*China pursues an independent foreign policy, observes the five principles of mutual respect for sovereignty and territorial integrity, mutual nonaggression, mutual noninterference in internal affairs, equality and mutual benefit, and peaceful coexistence, keeps to a path of peaceful development, follows a mutually beneficial strategy of opening up, works to develop diplomatic relations and economic and cultural exchanges with other countries, and promotes the building of a human community with a shared future. China consistently opposes imperialism, hegemonism and colonialism, works to strengthen its solidarity with the people of all other countries, supports oppressed peoples and other developing countries in their just struggles to win and safeguard their independence and develop their economies, and strives to safeguard world peace and promote the cause of human progress.*" Dalam *Preamble* (Mukadimah) Perlembagaan Republik Rakyat China. Lihat State Council, The People's Republic of China, *Constitution of the People's Republic of China* (20 November 2019). Diakses dari http://english.www.gov.cn/archive/lawsregulations/201911/20/content_WS5ed8856ec6d0b3f0e9499913.html.

⁷⁰ Petikan asal: "*The Government of the People's Republic of China recognizes the Government of Malaysia and respects the independence and sovereignty of Malaysia.*" Lihat

Perkara Ke-4, Joint Communiqué of the Government of the People's Republic of China and the Government of Malaysia dalam Kedutaan Besar Republik Rakyat China, *op. cit.*

⁷¹ Lihat Zhou Weimin & Tang Lingling, *A History of Sino-Malaysian Interactions*, Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies (2011), hlm. 373.

⁷² Lihat rencana penuh dalam 'Kejayaan Baru Perjuangan Kemerdekaan Rakyat Tanah Melayu' (马来亚人民独立斗争的新胜利), dlm *People's Daily* 《人民日报》 (31 Ogos 1957), hlm. 1. Diakses dari *China Government Open Data*, <https://cn.govopendata.com/renminribao/1957/8/31/1/#175325>.

⁷³ Lihat M. Yusof Ibrahim, *Ilmu sejarah: falsafah, pengertian, kaedah dan pensejarahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (2016), hlm. 169.

⁷⁴ Lihat Chong, *op. cit.*, hlm. 118-121.

⁷⁵ Dalam Lim, *op. cit.*, hlm. 85.